

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGGAM]**

TARIKH : 26.5.2016

SOALAN :

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan yang telah diambil ke atas pelajar yang ditaja oleh Kementerian semasa menuntut di IPT (dalam dan di luar negara) dalam bidang perguruan tetapi tidak bekerja dengan Kementerian sebagai guru selepas mereka mendapat penempatan (upon completion of studies - (the teachers who broke their bonds and ran away with it without any fines).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menawarkan tajaan kepada pelajar/pegawai untuk melanjutkan pelajaran di pelbagai peringkat pengajian untuk membangunkan modal insan bidang pendidikan mengikut keperluan dan perancangan serta mempertingkatkan kualiti guru /Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) melalui program-program peningkatan akademik demi memartabatkan profesion perguruan.

Sebagai jaminan pulangan ke atas pelaburan Kementerian dalam membangun dan menyediakan modal insan bagi sektor pendidikan,

pelajar/pegawai yang ditaja perlu mematuhi syarat-syarat perjanjian berkaitan penajaan termasuklah berkhidmat dengan KPM sebagai PPP setelah menamatkan pengajian untuk suatu tempoh sebagaimana yang ditetapkan di dalam kontrak perjanjian.

Pemegang kontrak yang dikenalpasti atau dilaporkan tidak berkhidmat sebagai PPP atau meletakkan jawatan sebelum menyempurnakan tempoh ikatan kontrak berkhidmat dengan KPM akan dikenakan tuntutan ganti rugi mungkir perjanjian berdasarkan amaun yang telah ditetapkan di dalam perjanjian. Keengganan pelajar/pegawai membayar tuntutan ganti rugi yang dikenakan akan dirujuk ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan undang-undang.

Sehingga kini, KPM telah mengenakan tindakan penguatkuasaan ke atas 1,621 pelajar/pegawai yang dikenalpasti telah mungkir perjanjian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,143 kes melibatkan pelajar/pegawai yang dikenakan tindakan kerana tidak berkhidmat atau meletakkan jawatan sebelum tamat ikatan kontrak.